

D907

U B060 AAB
RAZALEIGH - ULASAN

KUALA LUMPUR, 25 APRIL (BERNAMA) -- MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH, HARI INI BERIKRAR AKAN MEMBERI SOKONGAN KEPADA PRESIDEN UMNO YANG DIPILIH SEMULA, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, DAN YAKIN PENYOKONG-PENYOKONGNYA AKAN TURUT BERBUAT DEMIKIAN.

KATANYA, BELIAU MENERIMA KEPUTUSAN YANG TELAH DIBUAT OLEH PARA ANGGOTA PERWAKILAN UMNO ITU WALAUPUN BELIAU MENJANGKA BELIAU AKAN MENANG.

KETIKA BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA DI PUSAT AKHBAR, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, DI SINI, BELIAU JUGA MENASIHATI PARA PENYOKONGNYA SUPAYA MENERIMA KEPUTUSAN YANG TELAH DIBUAT OLEH PARA ANGGOTA PERWAKILAN SELARAS DENGAN LUNAS-LUNAS DEMOKRASI.

KATANYA, UNTUK INI PARA PENYOKONGNYA PERLU DIBERIKAN PENERANGAN YANG SEPATUTNYA UNTUK KEPUTUSAN YANG TELAH DIBUAT OLEH PARA ANGGOTA PERWAKILAN ITU.

INI PERLU DILAKUKAN UNTUK MENGUKUHKAN PERPADUAN DALAM MENGHADAPI MASALAH EKONOMI NEGARA SEKARANG. -- LAGI
1539MST 25 04 87

D912

U B062 AAB
RAZALEIGH - ULASAN 2 KUALA LUMPUR

APABILA DITANYA SAMA ADA BELIAU AKAN MELETAKKAN JAWATAN KABINETNYA, TENGGU RAZALEIGH BERKATA BELIAU AKAN BERBINCANG TERLEBIH DAHULU DENGAN PARA PENYOKONGNYA SEBELUM MEMBUAT SEBARANG KEPUTUSAN.

BAGAIMANAPUN, APABILA DITANYA SAMA ADA BELIAU AKAN MENERIMA SEBARANG JAWATAN JIKA DITAWARKAN, BELIAU BERKATA IA TERPULANG SAMA ADA JAWATAN ITU SESUAI DENGAN DIRINYA DAN DAPAT DITERIMA OLEH PARA PENYOKONGNYA.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA IA ADALAH HAK PERDANA MENTERI UNTUK MENENTUKAN SAMA ADA BELIAU MASIH DIPERLUKAN.

SEBELUM ITU, TENGGU RAZALEIGH MANAFIKAN URA-URA KONONNYA BELIAU DAN RAKAN-RAKANNYA AKAN MENUBUHKAN SEBUAH PARTI BARU UNTUK MENENTANG UMNO.

SAMBIL MENYIFATKAN RAMALAN-RAMALAN ITU SEBAGAI +KARUT+, BELIAU MENEGASKAN BAHAWA BELIAU AKAN TERUS HIDUP DAN MATI DENGAN UMNO.--
BERNAMA

1548MST 25 04 87